

SOALAN NO: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA :
: YB HJ AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [
JERANTUT]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 38

Yb Hj Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Angkatan Pertahanan Awam (APM) telah mencapai sasaran dua juta (2,000,000) keanggotaan serta apakah imbuhan-imbuhan yang diterima terutamanya kepada anggota yang berkhidmat secara aktif di dalam aktiviti pertahanan awam; dan

83

**JAWAPAN : YB DATO` SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Atas usaha-usaha Kerajaan melalui APM seperti yang dinyatakan sebelum ini, APM telah mensasarkan pendaftaran seramai 2 juta anggota sukarela sehingga penghujung tahun 2017 dengan pencapaian semasa pendaftaran yang direkodkan di dalam Sistem Pendaftaran Anggota Online MyAPM adalah seramai hampir 1.6 juta orang anggota (**** Nota jumlah keseluruhan adalah 1,577,039 – data sehingga 22 Oktober 2017**). Pendaftaran anggota ini tidak meliputi jumlah pendaftaran anggota secara manual iaitu pendaftaran menggunakan borang dan diserahkan di pejabat Pertahanan Awam Negeri dan Daerah, sebelum didaftarkan ke dalam sistem MyAPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, APM juga sedang dalam usaha untuk mendaftarkan seramai 200,000 ahli *National Union of The Teaching Profession Malaysia* (NUTP) di seluruh Malaysia hasil daripada perasmian penubuhan pasukan *Civil Defence Emergency Response Team – National Union of The Teaching Profession Malaysia* (CDERT-NUTP) yang berlangsung pada 7 Oktober 2017 di Perlis baru – baru ini. Saya optimis bahawa sasaran akan dapat dicapai dengan jayanya apabila berakhirnya tahun 2017 ini.

Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Mengenai imbuhan kepada Anggota Sukarela Angkatan Pertahanan Awam, pihak Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dan imbuhan terutamanya kepada anggota sukarela yang aktif di dalam menyumbang bakti di dalam APM sama ada sebagai Pegawai Sukarela

mahupun Anggota Lain-Lain Pangkat. Ini bertujuan untuk menarik minat dan mengiktiraf perkhidmatan yang disumbangkan oleh anggota di dalam APM. Kemudahan serta imbuhan yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah seperti :

i. **Elaun Kehadiran Latihan Tempatan (EKLT);**

Elaun ini dikhususkan kepada setiap Pegawai dan Anggota Sukarela APM yang menghadiri latihan, melaksanakan operasi atau tugas atas arahan rasmi APM adalah layak dibayar mengikut jam berdasarkan kadar iaitu RM 7.80 sejam bagi Pegawai dan RM 6.00 sejam bagi Anggota Lain-Lain Pangkat.

ii. **Elaun Saguhati (Bounti);**

Kerajaan juga menyediakan Elaun Saguhati (Bounti) secara tahunan kepada Anggota Sukarela APM yang aktif di dalam menghadiri sidang latihan, tugas kecemasan dan operasi pada setiap hujung tahun mengikut syarat dan kelayakan yang telah digariskan di dalam Pekeliling Jabatan Bil. 1 Tahun 2004 : Peraturan Pembayaran Elaun Saguhati (Bounti) Kepada Anggota Pertahanan Awam. Elaun bounti yang bakal diterima oleh anggota pasukan yang aktif boleh mencecah sehingga RM520.00 jika memenuhi syarat yang ditetapkan.

iii. **Penyediaan Pakaian Seragam Percuma;**

Setiap Pegawai Sukarela dan Anggota Sukarela APM yang aktif akan dibekalkan dengan pakaian seragam percuma dengan

kawalan daripada segi jumlah serta jenis pakaian seragam mengikut pangkat dan keperluan penugasan bagi membolehkan anggota berkenaan berketrampilan ketika berkhidmat di dalam APM. Antara pakaian seragam yang dibekalkan adalah

a. Pakaian Istiadat (Pakaian No 1);

- Digunakan bagi menghadiri majlis – majlis Istiadat di Istana atau perbarisan yang memerlukan pakaian berkenaan digunakan;

b. Pakaian Bustunik (Pakaian No 2 : *Bush Jacket*);

- Pakaian bagi menghadiri majlis rasmi (jemputan VIP) serta mesyuarat.

c. Pakaian Pejabat (Pakaian No. 3);

- Dipakai bagi menghadiri majlis rasmi (bukan jemputan VIP).
- Digunakan sebagai pakaian ketika bertugas di pejabat; dan

d. Pakaian Operasi / Kawad (Pakaian No. 4).

- Digunakan sebagai pakaian operasi dan juga perbarisan.

iv. **Bayaran Rawatan Terkurang Di Hospital Kerajaan;**

Pegawai dan Anggota Sukarela APM yang tercedera semasa melakukan aktiviti rasmi, latihan atau operasi, adalah layak

mendapat kadar bayaran rawatan terkurang di hospital-hospital Kerajaan.

v. **Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara**; dan

Dibayar kepada anggota atau waris kepada pegawai lantikan tetap dan anggota sukarela yang mengalami kecederaan, hilang upaya dan kematian akibat daripada aktiviti pengoperasian APM.

vi. **Kemudahan Caruman Insurans Berkelompok.**

APM juga menyediakan dan menggalakkan pegawai dan anggota sukarela untuk mencarum di dalam insurans berkelompok dengan nilai caruman sebanyak RM 15.00 setahun bagi memberi perlindungan dan pampasan kesan daripada kecederaan, kehilangan upaya dan kematian ketika atau akibat daripada aktiviti berisiko pengoperasian APM dan kemalangan diri.

Sekian. Terima kasih.